

ASPEK YANG MENGHUBUNGKAN ORANG CINA DI TANAH MELAYU DENGAN NEGARA CHINA, 1850-2000

*ASPECTS THAT SHAPE THE RELATIONSHIP OF
ETHNIC CHINESE IN MALAYA WITH CHINA, 1850-2000*

Syed Ahmad Fathi

Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, Malaysia
Fathi137@gmail.com

Dihantar pada: 6 Februari 2025
Submit on: 6th Februari 2025

Diterima pada: 25 Julai 2025
Accepted on: 25th July 2025

ABSTRAK

Hubungan antara Tanah Melayu (kini Malaysia) dengan negara China, lazimnya dihubungkan dengan aspek-aspek ekonomi dan perdagangan. Hal ini termasuklah hubungan antara orang Cina dengan negara China. Walau bagaimanapun, dari sudut sejarah, hubungan Tanah Melayu dengan China terutamanya melibatkan orang Cina mempunyai pelbagai aspek yang kompleks. Kajian ini akan menggunakan metodologi penelitian teks-teks penulisan sejarah termasuklah dokumentari, sumber kolonial, buku, dan kajian akademik di dalam jurnal bagi memahami hubungan yang kompleks ini. Kajian ini mendapati hubungan orang Cina dan China di Tanah Melayu sejak 1850 hingga 1940-an banyak dipengaruhi ideologi dan unsur politik. Terdapat juga peranan yang dimainkan oleh tokoh-tokoh politik dan perniagaan dalam kalangan orang Cina di Tanah Melayu yang membantu hubungan diplomatik rasmi antara Malaysia dan negara China pada tahun 1974. Aspek-aspek lain yang dikenal pasti ialah identiti kecinaan melalui pendidikan, bahasa, identiti, keluarga, dan asal usul keturunan yang terus menghubungkan orang Cina di Malaysia dengan negara China hingga tahun 2000.

Kata kunci: Orang Cina; migrasi; Tanah Melayu; hubungan diplomatik Malaysia-China

ABSTRACT

The relationship between Malaya, which eventually formed Malaysia, and China is often analyzed primarily through an economic lens. This analysis frequently focuses on the ethnic Chinese population residing in Malaya, who are commonly perceived as economic migrants prior to independence. While this economic perspective holds merit, it fails to encapsulate the entirety of a relationship that has been far more intricate throughout history. This study employs a historical review as its primary methodology, analyzing a range of sources including colonial records, books, past studies, and academic writings to gain a deeper understanding of this complex relationship. The findings reveal that

the relationship between the ethnic Chinese in Malaya and China from 1850 to 1940 was significantly shaped by various ideologies and political determinants. Following independence, the study indicates that local Chinese in Malaysia played a crucial, albeit behind-the-scenes, role in facilitating the establishment of diplomatic relations with China in 1974. Additional factors that invigorate the relationship between local Chinese and China include aspects of Chinese identity, such as education, language, family ties, and lineage. Collectively, these elements have continued to influence the relationship between local Chinese in Malaysia and China up until the year 2000.

Keywords: Ethnic Chinese; Migration; Malaya; Malaysia-China diplomatic relation

Pendahuluan

Kewujudan masyarakat Cina di Malaysia bukan satu perkara yang baru. Ia mempunyai akar dan sejarah yang kuno. Sebelum wujudnya Malaysia dalam kerangka perbatasan moden seperti yang kita lihat pada hari ini, Alam Melayu sudah pun menjalin hubungan dengan China sejak sekian lama. Hubungan ini termasuklah dalam hal ehwal perdagangan dan juga migrasi penduduk. Menurut Wang Gungwu, hubungan China dengan Alam Melayu bermula pada abad ke-4 (Fee, 2011). Pada zaman Kesultanan Melayu Melaka, pelabuhan Melaka telah menjadi pelabuhan antarabangsa dan dilawati oleh armada Ming dari China yang diketuai oleh penasihat maharaja bernama Yin Qing pada tahun 1403 (Halimi, 2021). Parameswara yang merupakan pemerintah pertama Melaka sememangnya berhasrat untuk menjalin hubungan dengan China, selepas lawatan armada Ming ini, Maharaja Ch'eng Zhu telah mengutus surat pada Melaka bagi mengiktiraf Parameswara sebagai raja Melaka dan China bersetuju menaungi Melaka (Halimi, 2021). Hubungan Melaka dengan China tidak terhenti dalam aspek diplomatik dan perdagangan sahaja, masyarakat China yang datang ke Melaka turut berkahwin dengan masyarakat Melayu setempat dan mewujudkan komuniti tersendiri seperti Cina Peranakan (Abdullah, 2013).

Migrasi penduduk merupakan perkara yang universal dan berlaku di seluruh dunia, ia mula dikaji sebagai satu masalah moden apabila sistem pengangkutan menjadi semakin mudah dan ideologi nasionalisme mula mengambil alih sistem politik dunia dengan penguatkuasaan kawalan yang lebih ketat di sempadan negara-negara (Gungwu, 1991). Menurut Thock Ker Pong, migrasi orang Cina mempunyai sifat dan sebab yang berbeza-beza, oleh itu kajian perihalnya perlu dilaksanakan dengan berhati-hati dengan mengambil kira konteks dan latar sejarahnya. (Keong, 2013). Migrasi orang Cina ke Tanah Melayu yang paling signifikan adalah pada abad ke-18 terutamanya semasa zaman kolonial British. Kaum Cina telah datang ke Tanah Melayu atas tujuan ekonomi dan bekerja sebagai buruh dalam sektor industri. Orang Cina yang berhijrah ke luar negara ini disebut juga sebagai *hua-qiao* atau *overseas Chinese* yang membawa maksud orang Cina seberang laut (Fee, 2009: 168).

Orang Cina seberang laut ini sudah tentu mempunyai hubungan dari sudut adat, agama, budaya, kepercayaan dan hal-hal yang bersangkutan dengan ekonomi dan politik dengan negara asal mereka. Menurut G. Skinner (1959), terdapat hampir 10 juta orang Cina seberang laut di Asia Tenggara. Disebabkan jumlah mereka yang ramai, mereka mempunyai pengaruh yang signifikan dalam hal ehwal ekonomi dan politik. Hal ini menyebabkan negara-negara di Asia Tenggara berusaha untuk mengawal pengaruh mereka terutamanya dalam pasaran ekonomi negara dan ideologi politik mereka yang mempunyai hubungan dengan tanah besar China. Perkara ini cuba dilakukan melalui integrasi pendidikan dan politik (Skinner, 1959). Apabila China mula mengubah dasar mereka dan tidak lagi menyokong revolusi-revolusi di negara-negara di Asia Tenggara, hubungan diplomatik antara China dan negara-negara di Asia Tenggara mula terjalin dan bertambah baik. Sementara itu, orang-orang Cina di negara-negara Asia Tenggara mula menjadi sebahagian dari warga negara di mana mereka menetap.

Pada tahun 1940-an, pengaruh ideologi politik dari China di Tanah Melayu mula merosot. Hal ini kerana masyarakat Cina di Tanah Melayu mula beralih kepada politik tempatan dengan tertubuhnya Persekutuan Tanah Melayu pada tahun 1948. Pada tahun 1948 juga kerajaan British melancarkan perang ke atas komunis melalui pengisytiharan darurat. Langkah ini menyebabkan ideologi komunis banyak mempengaruhi masyarakat Cina yang pada ketika itu pengaruh China mula merosot. Walau bagaimanapun, hubungan orang Cina dengan China masih berterusan melalui aspek-aspek lain seperti kekeluargaan, kepercayaan, agama, dan perdagangan.

Kajian ini bertujuan untuk membuat satu penelitian berdasarkan kaedah sejarah perihal aspek-aspek yang menghubungkan masyarakat Cina di Tanah Melayu dengan negara China. Aspek-aspek ini penting untuk dikaji kerana dapat memberi sebuah gambaran tentang bagaimana masyarakat Cina membantu Malaysia untuk mengadakan hubungan diplomatik yang lebih formal dengan negara China pada era moden. Kajian ini menggunakan kaedah sejarah melalui kaedah kualitatif dengan menganalisis sumber-sumber sejarah bertulis. Oleh sebab kaedah sejarah dipilih, batasan skop penelitian dihadkan sehingga tahun 2000. Hal ini dilakukan bagi mengelakkan kajian ini menjadi kajian kontemporari dan terkeluar dari skop kajian sejarah.

Migrasi Orang Cina ke Seberang Laut

Menurut Wang Gungwu, migrasi orang Cina ke seberang laut boleh dikelaskan kepada beberapa bentuk. Pertama adalah migrasi berbentuk perdagangan – pedagang berhijrah dari China ke negara lain dan mendirikan perdagangan mereka di pelabuhan, lombong, atau pasar. Mereka kemudian membawa masuk ahli keluarga dan keturunan mereka. Lazimnya, sekiranya perdagangan tersebut berjaya, mereka akan mengekalkan nilai kecinaan mereka. Sebaliknya, sekiranya terdapat tekanan politik, mereka akan menjadi bangsawan tempatan dan meninggalkan nilai-nilai kecinaan mereka. Jenis migrasi ini disebut sebagai *Huashang* dan keadaan ini dilihat peristiwa yang berlaku pada kaum Hokkien di Jepun dan kaum Jawa, orang Hakka di Borneo dan orang Teochiu di Thailand (Gungwu, 1991).

Selain itu, terdapat migrasi berbentuk *Huagong* – pekerja Cina yang menjadi kuli berhijrah untuk menjadi buruh, mereka ini berasal dari keluarga miskin, petani, orang-orang yang tidak mempunyai tanah. Migrasi ini berlaku di Sumatera dan Semenanjung Tanah Melayu terutamanya apabila munculnya perindustrian moden yang memerlukan banyak tenaga buruh murah sekitar tahun 1850-an hingga 1920-an (Gungwu, 1991). Jenis ketiga adalah *Huaqiao*. Migrasi pengembara (sojourner) merupakan kategori yang besar dan merangkumi *Huashang* dan *Huagong*. Migrasi jenis ini tidak mempunyai kaitan dengan pekerjaan seperti pedagang atau kuli, dan lebih sesuai untuk dikatakan sebagai terma kepada keseluruhan Cina Seberang Laut (Overseas Chinese). Menurut Wang Gungwu, antara ciri penting *Huaqiao* sejak dua dekad yang lalu (sejak 1800) adalah ideologi nasionalisme mereka dan ini dapat dilihat dari pengaruh pemikiran revolusi Sun Yat Sen, dan kemudiannya oleh Kuomintang dan Parti Komunis China. Prinsip nasionalisme ini begitu jelas dalam memastikan kesetiaan orang Cina Seberang Laut kepada negara China. Oleh itu, masyarakat Cina Seberang Laut tidak hanya datang sebagai pekerja, mereka turut dibekalkan dengan guru, wartawan, dan intelektual berpendidikan China bagi memastikan hubungan mereka dengan negara China berterusan. Keadaan ini dapat dilihat dari segi polisi Kuomintang yang ingin memastikan orang Cina di seberang laut kekal setia bersama China. Dengan membekalkan buku dan guru, Kuomintang dapat memastikan orang Cina di seberang laut kekal berorientasikan China. Mereka turut digalakkan menyertai politik China, menghantar wakil ke persidangan, membuka cawangan Kuomintang di luar China dan menyusun pergerakan Kuomintang di negara lain (Suryadinata, 2004).

Semangat nasionalisme memuncak dalam kalangan orang Cina Seberang Laut apabila perang China-Jepun tercetus pada tahun 1937 (Gungwu, 1991). Semasa perang ini berlangsung, Parti Komunis Malaya (PKM) telah menggunakan sekolah Cina untuk mendapat sokongan. Ramai pelajar termasuk pelajar wanita telah membantu aktiviti perang China. Antara aktiviti pelajar Cina bagi membantu usaha perang China melawan Jepun ialah mengutip derma, menjual bunga bagi mendapatkan dana, berdemonstrasi, memboikot barangan Jepun, dan menyertai unit propaganda anti-Jepun (Musa, 2016:120). Di sini kita melihat bagaimana peranan ideologi nasionalis China menggerakkan hubungan orang Cina di Tanah Melayu dengan negara China sebelum kemerdekaan Tanah Melayu. Di sebabkan sokongan yang diberikan oleh kaum Cina kepada China semasa Perang Dunia Kedua, mereka mendapat layanan yang buruk apabila Jepun menduduki Tanah Melayu. Menurut P. Lim Pui Huen, kaum Cina telah menjadi sasaran kekejaman Jepun. Beliau menulis:

“The Chinese were the target of the harshest treatment. Lee Khoon Choy tells us that 200 students from Chung Ling High School in Penang were lined up and shot. Elsewhere in Malaya thousands of Chinese were massacred in the sook ching exercise which was most ferocious in Singapore.” (Lim Pui Huen, 1995)

Walaupun pengaruh semangat nasionalisme ini besar, pengaruh mula merosot dalam masyarakat Cina apabila Persekutuan Tanah Melayu dibentuk pada tahun 1948. Kaum Cina mula beralih kepada politik tempatan. Selain itu, kerajaan British juga melancarkan perang ke atas komunis pada tahun 1948 dan menyebabkan ideologinya dianggap subversif dan pengaruh mula merosot dalam masyarakat tempatan.

Jenis migrasi terakhir menurut Wang Gungwu adalah *Huayi*. Migrasi ini merupakan fenomena baharu terutamanya selepas tahun 1950-an, iaitu orang berketurunan Cina di negara Asia Tenggara berhijrah ke negara ketiga terutamanya Eropah Barat, Amerika Utara, dan Australia kerana merasakan mereka tidak dihargai di negara yang mereka duduki. Proses ini juga biasanya dituruti dengan proses pencinaan semula, iaitu orang Cina yang berhijrah ke negara ketiga kembali menyerlahkan nilai kecinaan mereka. Hal ini berlaku pada golongan Baba dan Cina Peranakan di Malaysia dan Indonesia (Gungwu, 1991).

Migrasi Orang Cina ke Tanah Melayu Dalam Rekod Kolonial

Menurut Blythe, pegawai kolonial British di Tanah Melayu yang menjaga hal ehwal orang Cina dari tahun 1946 hingga 1948, penghijrahan besar-besaran orang Cina ke Tanah Melayu bermula sekitar tahun 1850. Penghijrahan besar-besaran ini disebabkan peluang ekonomi yang wujud pada ketika itu dalam perusahaan perlombongan bijih timah (CO 537/4862). Menurut Blythe lagi, penghijrahan ini dipengaruhi oleh tiga kumpulan utama iaitu Kongsi Gelap (Triad Societies), Kuomintang, dan PKM.

Peranan Kongsi Gelap Cina sangat penting dalam kemasukan buruh Cina ke Tanah Melayu. Pengaruh mereka sangat kuat dalam kalangan buruh yang datang dan memberikan mereka bantuan dan perlindungan. Buruh-buruh ini kebanyakannya berasal dari Selatan China terutamanya dari Fukien, Kwangtung, dan Kwangsai. Pada 1890, kerajaan Negeri-negeri Selat telah mengarahkan persatuan Kongsi Gelap ini dibubarkan kerana mereka menjalankan banyak aktiviti yang boleh mengganggu ketenteraman awam, seperti pelacuran, perjudian, dan penyeludupan. Mereka kemudiannya telah menjalankan aktiviti secara rahsia di Tanah Melayu. Apabila Tanah Melayu dikuasai Jepun, peranan Kongsi Gelap dan pengaruh mereka mula merosot. Namun, selepas kekalahan Jepun, pertubuhan Kongsi Gelap ini muncul kembali dengan nama Ang Bin Hoay pada tahun 1945 di Pulau Pinang. Namun demikian, aktiviti mereka hanya bertahan dalam masa yang singkat dan diharamkan kembali oleh pihak berkuasa pada 1946.

Pengaruh dalam kalangan orang Cina turut dimainkan oleh Kuomintang yang merupakan sebuah parti yang diasaskan oleh Sun Yat Sen berdasarkan ideologi nasionalisme China. Cawangan Kuomintang di Tanah Melayu dikawal sepenuhnya oleh parti Kuomintang pusat di China. Kerajaan British telah mengharamkan parti ini untuk beroperasi di Tanah Melayu dan melarang mereka untuk membuka cawangan. Kuomintang merupakan parti yang berpengaruh dalam kelas pedagang orang Cina, mereka telah menyebarkan ideologi mereka dengan menaja sekolah-sekolah Cina dan membawa guru-guru dari China.

PKM juga merupakan elemen yang sangat berpengaruh dalam kalangan orang Cina. PKM merupakan usaha yang digerakkan oleh Parti Komunis China. Usaha menyebarkan ideologi mereka di Semenanjung Tanah Melayu tidak berjaya pada peringkat awal. Mereka sedikit berjaya dalam mempengaruhi komuniti Cina di Tanah Melayu yang datang dari Hainan. Menurut Blythe, pada 1930, organisasi komunis di peringkat tempatan telah ditubuhkan bagi mengetengahkan elemen tempatan bagi parti komunis di setiap negara. Walau bagaimanapun, hala tuju PKM terus dikuasai oleh orang-orang dari China. PKM hanya mendapat pengaruh yang besar apabila pada 1937, Kuomintang dan Parti Komunis China telah mewujudkan pakatan bersama untuk menentang Jepun. PKM berjaya menggunakan semangat patriotisme kepada negara China bagi menentang Jepun untuk mendapat sokongan. Pada 1939 PKM dilihat telah berjaya menguasai kebanyakan orang Cina di Malaya. PKM memulakan gerakan senjata pada 1948, namun usahanya untuk mendapatkan kuasa tidak berjaya.

Catatan Blythe menunjukkan bahawa hubungan awal masyarakat Cina di Tanah Melayu dengan negara China, khususnya dalam tempoh 1850 hingga 1940-an banyak dipengaruhi oleh ideologi daripada negara China itu sendiri. Hal ini dapat dilihat melalui idea nasionalisme China seperti yang diperjuangkan oleh Kuomintang dan gerakan komunisme yang berasal dari Parti Komunis China. Dalam kata lain, hubungan orang Cina dengan China masih lagi kuat dipengaruhi oleh ideologi dan fahaman politik, perkara inilah yang menggerakkan hubungan antara mereka. Namun selepas tertubuhnya Persekutuan Tanah Melayu dan kemudiannya Malaysia, hubungan ideologi ini mula merosot apabila orang Cina mula mengambil peranan yang lebih aktif dalam lapangan politik

tempatan. Dengan wujudnya Malaysia, orang-orang Cina yang datang ke Tanah Melayu telah diberikan kerakyatan dan dapat bersama dalam pemerintahan secara kolektif (Nordin, 2020:13)

Hubungan Malaysia-China Sebelum 1974

Selepas Tanah Melayu mencapai kemerdekaan pada tahun 1957, hubungan antara Tanah Melayu dengan China berorientasikan Perang Dingin, dan dalam perang ini, Tanah Melayu mengambil posisi pro-Barat dan bersifat antikomunis. Tanah Melayu bermusuhan dengan China kerana mereka memberi sokongan kepada PKM yang pada ketika itu digerakkan oleh sekumpulan kecil masyarakat Cina tempatan (Seng, 2024). Semasa keadaan darurat masih berlangsung, Tanah Melayu melihat China sebagai sebahagian dari blok komunis yang mengugut keamanannya.

Persengketaan dengan China ini juga berlaku pada aspek polisi yang diambil oleh Persekutuan Tanah Melayu pada ketika itu. Persekutuan Tanah Melayu melaksanakan dasar mengutuk tindakan China di Tibet pada tahun 1959 dan tindakan China terhadap India pada tahun 1962. Apabila Malaysia ditubuhkan pada tahun 1963, China membantah penubuhan tersebut dan menyifatkannya sebagai sebuah plot yang dilaksanakan oleh neo-kolonialis. Malah konfrontasi Malaysia dengan Indonesia yang berlangsung juga didakwa didalangi oleh China. Permusuhan dengan China pada ketika pemerintahan Tunku Abdul Rahman bukanlah disebabkan beliau menganut ideologi anti-China, tetapi berdasarkan kepentingan untuk melindungi kedaulatan Malaysia. Pada akhir tahun 1968, Tunku Abdul Rahman ada mempertimbangkan cadangan untuk mengadakan hubungan diplomatik dengan China (Seng, 2024:56-57). Namun demikian, hubungan ini hanya terbentuk pada pemerintahan perdana menteri Malaysia kedua, iaitu Tun Abdul Razak.

Peranan Cina Tempatan Dalam Normalisasi Hubungan Malaysia-China

Proses normalisasi hubungan antara Malaysia-China sebenarnya digerakkan oleh peranan yang dimainkan oleh orang Cina tempatan. Hubungan antara orang Cina tempatan di Malaysia dengan negara China sebenarnya banyak membantu menggerakkan usaha ke arah normalisasi hubungan diplomatik antara Malaysia dan China. Ini boleh dilihat dari peranan yang dimainkan oleh usahawan Cina seperti Lee Inn Tong (1913-2002). Lee merupakan usahawan Cina tempatan di Tanah Melayu yang banyak menganjurkan rombongan dagang ke China pada tahun 1950-an sebelum wujudnya hubungan rasmi diplomatik antara Malaysia dan China. Beliau bukan sahaja telah pergi ke China untuk tujuan perdagangan, malah apabila rombongan perdagangan Zhang Guangdou dari China datang ke Malaysia, Lee Inn Tong telah membantu memimpin delegasi ini. Hubungan beliau dengan China sangat akrab dalam soal perdagangan. Keakraban ini terbukti apabila perniagaannya mengalami kerugian akibat banjir besar yang melanda Kuala Lumpur pada tahun 1971, beliau berangkat ke China bagi mendapatkan bantuan. Beliau telah meminta bantuan Persatuan Palang Merah China. Persatuan tersebut telah memperoleh dana sebanyak RMB500,000 dari kerajaan China bagi membantu Malaysia.

Bagi mendapatkan derma untuk membantu mangsa banjir di Kuala Lumpur, Lee Inn Tong turut menjemput Kumpulan Kebudayaan Yinxing Yishutuan dari Hong Kong bagi mengadakan pertunjukan amal. Walaupun langkah yang diambil Lee berisiko kerana ideologi kiri dan pro-komunis yang dipegang oleh kumpulan ini, namun demikian perkara itu berjaya dilakukan kerana pada ketika itu sudah mula wujud hubungan antara Malaysia dan China.

Hubungan baik antara kaum Cina seperti Lee Inn Tong dengan negara China ini telah digunakan oleh Perdana Menteri Malaysia, Tun Abdul Razak Hussein bagi mewujudkan hubungan diplomatik rasmi antara Malaysia dan China. Lee Inn Tong merupakan teman rapat kepada Tun Abdul Razak Hussein, bersama beberapa tokoh Cina lain, Lee Inn Tong telah dijemput secara sulit oleh Tun Abdul Razak Hussein bagi mewujudkan hubungan awal antara Malaysia dan China sebelum wujudnya saluran diplomatik rasmi. Lee Inn Tong juga telah menasihati Tun Abdul Razak Hussein bagi mewujudkan hubungan rasmi antara Malaysia dengan China sebagai strategi untuk memenangi hati pengundi Cina di Malaysia bagi memenangi pilihanraya (Seng, 2024).

Selain Lee Inn Tong, terdapat tokoh Cina tempatan lain yang mempunyai hubungan dengan China dan membantu Malaysia bagi menormalisasikan hubungan. Misalnya adalah usahawan getah

yang bernama Gan Teck Yeow yang pernah berkhidmat sebagai senator selama 12 tahun. Beliau pernah membantu para pedagang China dengan menganjurkan pameran barangan dagangan China di Malaysia pada tahun 1957. Terdapat juga peranan yang dimainkan oleh tokoh Cina tempatan seperti Michael Chen Wing Sum yang telah diutus secara sulit ke Hong Kong pada tahun 1974 bagi mendapatkan persetujuan muktamad dari kerajaan China perihal kedudukan orang Cina tanpa negara di Malaysia (Seng, 2024: 69). Tokoh-tokoh Cina tempatan yang mempunyai hubungan dagang dan kebudayaan dengan negara China sebenarnya telah banyak membantu untuk membina hubungan diplomatik rasmi antara Malaysia dengan China. Oleh itu, disimpulkan bahawa hubungan rasmi antara Malaysia dan China tidak terbina secara sendiri, sebaliknya terdapat peranan orang-orang Cina tempatan yang menggerakkan pembinaan hubungan tersebut.

Orang Cina di Malaysia dan Pengekalan Identiti Kecinaan

Malaysia mewujudkan hubungan diplomatik rasmi dengan China pada 31 Mei 1974 dan memutuskan untuk menutup konsulat Malaysia di Taipei (Gungwu, 1991: 291). Konsulat ini ditutup kerana Malaysia mengiktiraf bahawa Taiwan merupakan sebahagian dari China. Hubungan Malaysia dengan Taiwan diteruskan dalam bentuk *people-to-people relations* dan bukan lagi hubungan antara dua negara (Foreign Broadcast Information Service, 1974).

Apabila China mula mengubah polisinya untuk tidak campur tangan dalam urusan negara lain, terutamanya pada 1989, Perdana Menteri China, Li Peng menggariskan empat polisi, iaitu kewujudan secara aman negara-negara walaupun berbeza sistem sosial dan politik, hubungan Malaysia dan China mula terbentuk dan bertambah baik. Dengan wujudnya hubungan ini, negara China tidak lagi menganggap Orang Cina Seberang Laut sebagai subjek mereka. Orang-orang Cina di negara Asia Tenggara tidak lagi dinasihati untuk menolak proses asimilasi dan mengekalkan sifat kecinaan mereka (Gungwu, 1991:292). Peristiwa ini merupakan satu titik tolak penting kepada orang Cina di Malaysia kerana ia akhirnya menyelesaikan isu nasional mereka. Dengan wujudnya sempadan ini, mereka kini menjadi sebahagian dari rakyat Malaysia. Walaupun isu kerakyatan dianggap telah selesai selepas Mei 1974, kekacauan yang dilakukan oleh PKM yang dianggotai kebanyakannya oleh orang Cina masih berlaku di Malaysia (Gungwu, 1991:297-298). Namun, sokongan terhadap PKM terus menurun kerana aspirasi dan ideologinya tidak diterima oleh kebanyakan penduduk di Tanah Melayu.

Negara China mempunyai beberapa jenis hubungan pada tahun 1970-an dalam dasar luar negaranya. Hubungan ini mempunyai tiga peringkat, iaitu antara negara, antara rakyat, dan antara komrad. Hubungan antara rakyat ini termasuklah dalam soal perdagangan dan lawatan saudara-mara. Selain itu, terdapat juga hubungan antara orang Cina di Malaysia yang mendapatkan perkhidmatan kesihatan di China (Seng, 2024:59). Hubungan antara masyarakat Cina tempatan dengan China ini sebenarnya telah membantu untuk mewujudkan satu hubungan diplomatik yang lebih baik antara Malaysia dan China.

Persoalan identiti merupakan persoalan penting di Tanah Melayu sebelum terbentuknya negara Malaysia. Orang-orang Cina pada peringkat awal tertubuhnya Persekutuan Tanah Melayu dilihat boleh meninggalkan identiti nasional China dan menerima idea identiti nasional Malaya (Gungwu, 1991:201). Dalam masa yang sama, mereka berusaha mengekalkan sebahagian dari aspek budaya dan identiti mereka. Ini dapat dilihat misalnya dalam perjuangan gerakan pendidikan Cina di Malaysia yang dipelopori oleh organisasi seperti Dong Jiao Zong. Menurut Thock Ker Pong dari Universiti Malaya, sekolah Cina dianggap oleh kaum Cina di Malaysia sebagai wahana utama bagi membentuk kesinambungan budaya dan identiti masyarakat Cina di Malaysia.

Identiti merupakan satu perkara yang sangat penting dalam menggerakkan hubungan kaum Cina di Malaysia dengan China. Ini dapat dilihat dari lawatan orang Cina Malaysia ke China untuk menjejaki asal keturunan mereka yang sering disebut sebagai *finding roots*. Misalnya Universiti Tsinghua telah menerbitkan satu dokumentari ringkas yang mengisahkan pengembaraan pelajar Malaysia bernama Tew Yi Shen yang telah kembali ke Yongchun, Quanzhou di Wilayah Fujian bagi menjejaki asal keturunan beliau. Di Yongchun, Tew Yi Shen telah dibantu oleh penduduk kampung untuk menjejaki Tokong Keluarga mereka di mana disimpan rekod keluarga yang tinggal di Singapura dan Malaysia. Selain itu, turut direkodkan bagaimana ahli keluarga mereka yang tinggal di luar China

menghantar wang pulang bagi membaiki tokong. Selain itu, surat-menyurat antara moyang dan keluarga mereka di Yongchun turut terpelihara. Walaupun Tew Yi Shen mempunyai akar keturunan di Yongchun, bagi beliau Malaysia tetap menjadi rumahnya. Hal ini menunjukkan satu aspek yang menarik tentang bagaimana identiti dan keturunan menggerakkan hubungan antara orang Cina di Malaysia dengan China. Hubungan ini merupakan hubungan yang berlandaskan kekeluargaan.

Aspek Ekonomi Dalam Hubungan Dengan China

Seperti yang dibincangkan pada peringkat awal, hubungan ekonomi Malaysia dengan China berlangsung dengan curiga. Hal ini kerana wujud unsur komunis dari China yang memberi bantuan kepada gerakan PKM. Namun demikian, selepas hubungan diplomatik terjalin dengan China oleh Tun Abdul Razak pada 1974, hubungan Malaysia-China mula menunjukkan perkembangan positif. Hubungan China dengan negara serantau bertambah baik semasa tahun 1988, apabila Perdana Menteri China, Li Peng mengumumkan bahawa China tidak lagi mengamalkan polisi dominasi dan mahu menjalinkan hubungan dengan negara lain atas dasar kesaksamaan (Swee-Hock et al., 2005).

Dalam lawatannya ke Thailand pada tahun 1989, Li Peng telah menggariskan empat prinsip China dalam menjalinkan hubungan dengan negara-negara di Asia Tenggara. Pertama, kewujudan bersama secara aman walaupun mempunyai perbezaan sistem sosial dan politik. Kedua, tidak bersifat hegemoni di mana China tidak akan campur tangan dalam urusan domestik negara lain. Ketiga, bersama membangunkan ekonomi. Keempat, kerjasama berpanjangan dalam pembangunan serantau. Negara-negara di Asia Tenggara melihat China merupakan alternatif kepada mereka dalam mengimbangi kuasa ekonomi Amerika Syarikat.

Hubungan ini kemudian berkembang merangkumi bidang ekonomi, politik, ketenteraan, dan kebudayaan (Dollah & Shawaluddin, 2005). Menurut Lee Kam Hing, hubungan perdagangan baharu dengan China telah mencipta peluang-peluang baharu bagi peniaga tempatan untuk mengembangkan perniagaan mereka. Hasil dari peluang ekonomi ini, China dilihat sebagai rakan kerjasama, bukan lagi satu ancaman dan perkara ini juga membuatkan hubungan kaum terutamanya orang Melayu dan orang Cina semakin baik (Kam Hing, 2005: 178). Hasil dari pembukaan hubungan diplomatik dan perdagangan ini, orang-orang Cina di Malaysia dapat mengadakan hubungan perniagaan dengan China tanpa perlu gusar akan aktiviti mereka dituduh sebagai aktiviti komunis. Selain itu, persamaan yang kuat dari segi bahasa, budaya, dan keturunan, hubungan perniagaan antara orang Cina di Malaysia dengan rakan dagang mereka di China dapat dilakukan dengan lebih baik dan berkesan.

Selain menjalinkan hubungan perdagangan dengan China, Tun Abdul Razak juga melaksanakan beberapa dasar domestik untuk menstabilkan hubungan kaum Cina dengan masyarakat Melayu di Malaysia. Antaranya meminda Akta Hasutan pada tahun 1970 bagi memastikan isu-isu sensitif seperti kewarganegaraan, bahasa kebangsaan, kedudukan istimewa orang Melayu, dan kedaulatan raja tidak dicabar (Muhammad et al., 2024:185). Polisi ini berjaya mengendurkan perasaan keterancaman di kalangan orang bukan Melayu termasuk dalam kalangan orang Cina. Malaysia merupakan negara yang mengekalkan peribumi Melayu sebagai terasnya. Oleh itu, isu-isu sensitif terutamanya perihal kaum perlu sentiasa dijaga. Ini berbeza dengan negara Singapura yang didominasi orang Cina dan tidak menekankan aspek bangsa sebagai teras negara (Wan Ali et al., 2018: 30). Berdasarkan perbezaan ini, keadaan ini memperlihatkan situasi politik dan polemik di Malaysia sangat mudah berubah panas sekiranya pergeseran yang berbentuk perkauman ini tidak dikawal dan dijaga. Selain itu, disebabkan Malaysia mengamalkan dasar mengutamakan masyarakat peribumi sebagai teras negara, hal ini juga menimbulkan satu perasaan tidak senang hati sebahagian masyarakat Cina. Situasi ini bertambah jelas apabila pembahagian bantuan ekonomi diberikan berdasarkan kaum membuatkan orang-orang Cina merasakan seolah-olah mereka sebagai warga negara kelas kedua (Fee, 2011: 79).

Apabila Tun Abdul Razak pulang dari lawatan bersejarah beliau ke China pada tahun 1974, beliau telah disambut oleh persembahan tarian singa oleh masyarakat Cina tempatan. Tarian ini merupakan aspek kebudayaan yang dianggap berharga oleh masyarakat Cina. Terdapat usaha untuk menjadikannya sebahagian daripada budaya nasional dengan pengiktirafan dari kerajaan, namun usaha ini mendapat penentangan dari orang-orang Melayu (Guan, 2000:11). Namun, pihak kerajaan dilihat semakin boleh menerima kebudayaan orang Cina terutamanya selepas terjalinnya hubungan

diplomatik. Guan (2000) menyatakan bahawa hubungan orang Cina di Malaysia dengan China dari sudut kebudayaan terus berkembang, komuniti Cina lokal juga semakin diberikan akses dan ruang bagi mengamalkan budaya mereka dan menjemput pameran dan persembahan budaya dari luar untuk berkunjung ke Malaysia (Guan, 2000: 13).

Peranan orang Cina di Malaysia dalam menggerakkan hubungan ekonomi negara dengan China dapat dilihat melalui usaha yang dilakukan oleh pemimpin masyarakat Cina di Malaysia. Contohnya presiden Malayan Chinese Association, Ong Tek Kiat yang telah menghantar delegasi Malaysia ke China untuk bertemu dengan Jia Qinglin, Pengerusi Persidangan Perundingan Politik Rakyat China. Pertemuan ini dilakukan bagi mempertingkatkan kerjasama dalam bidang perdagangan, pendidikan, kebudayaan, dan politik (Saat, 2009: 17). Di sini kita melihat bagaimana peranan orang Cina di Malaysia memainkan peranan untuk menggerakkan hubungan ekonomi antara Malaysia dan China.

Kerajaan Malaysia juga mengambil berat dan memperkukuh hubungan ini. Perdana Menteri Malaysia, Mahathir Mohamad pada tahun 1985 dalam lawatannya ke Beijing mengatakan bahawa “Politik telah mendominasi hubungan China-Malaysia pada dekad pertama, pada dekad seterusnya ia harus didominasi oleh aspek ekonomi” (Baviera, 1999). Semasa krisis ekonomi melanda negara-negara Asia pada tahun 1997 hingga 1999, China telah membantu negara-negara ASEAN dengan tidak menurunkan nilai matawang Yuan. Langkah China ini dipuji oleh Mahathir Mohamad pada tahun 1999 kerana tanpa langkah ini, keadaan ekonomi di Asia Tenggara akan menjadi lebih buruk (Ba, 2003). Walaupun terdapat isu yang dapat memburukkan hubungan antara Malaysia dan China seperti pertindihan tuntutan kawasan di Laut China Selatan, Malaysia mengambil langkah yang lebih diplomatik dan mementingkan hubungan baik yang terjalin terutamanya dalam aspek ekonomi (Ahmad & Mohd Sani, 2017). Langkah Malaysia yang mengutamakan diplomasi ini dilihat berbeza dengan polisi yang diamalkan oleh negara serantau yang lain seperti Vietnam dan Filipina yang dilihat lebih agresif dalam menuntut kawasan pertindihan yang dituntut.

Hubungan ekonomi yang menghubungkan orang Cina di Malaysia dan China sebenarnya turut mempunyai dimensi kekeluargaan dan persamaan keturunan. Dengan perkataan lain, ia tidak terlepas daripada persoalan identiti yang telah dibincangkan. Misalnya, kajian yang dibuat oleh Wu Xiao An perihal perniagaan orang Cina di Kedah dan Pulau Pinang antara tahun 1882 hingga 1941 mendapati adanya hubungan kekeluargaan antara perniagaan orang Cina di Malaysia dengan negara China. Wu Xiao An mendapati keluarga komuniti perniagaan Lim Leng Cheak, Choong Cheng Kean, Phuah Hin leong, Tan Ah Yu, Chong Sin Yew, Lim Boon Haw dan Lim Lean Teng mempunyai hubungan dengan negara China walaupun mereka beroperasi di Kedah dan Pulau Pinang (Wu Xiao An, 2003). Hal ini menunjukkan bagaimana aspek ekonomi yang menghubungkan orang Cina di Malaysia dengan China sebenarnya turut dilatari oleh hubungan kekeluargaan dan keturunan.

Peranan Persatuan, Kepercayaan, Kekeluargaan dan Keturunan

Hubungan masyarakat Cina di Malaysia dengan negara China juga dapat dilihat melalui bentuk persatuan yang ditubuhkan. Misalnya, terdapat pelbagai persatuan yang ditubuhkan berasaskan lokaliti seperti kampung, daerah, dan wilayah asal mereka di China. Misalnya persatuan *Sun Wui Wui Koon* yang ditubuhkan pada 1873 merupakan persatuan orang Cina yang berasal dari daerah Xin Hui di Guangdong. Persatuan *Chao Zhou Wui Guan* yang ditubuhkan pada 1864 pula mengumpulkan orang Cina yang berasal dari bandar Chaoshan (Teioh Hui Shin & Aiza Maslan, 2022: 10-11). Hal ini menunjukkan bahawa persamaan asal usul dari sesebuah lokaliti di China menjadi asas yang menggerakkan persatuan-persatuan Cina di Malaysia. Antara peranan yang dimainkan oleh persatuan berasaskan lokaliti ini adalah berkongsi maklumat dan berita dari China kepada ahli-ahli persatuan mereka di Malaysia (Shin & Maslan, 2022: 11). Dengan adanya persatuan-persatuan ini, orang-orang Cina dapat menjaga dan mengekalkan budaya tradisi mereka di samping terus menjalin hubungan dengan negara China.

Hubungan orang Cina di Malaysia juga boleh dilihat hubungannya dengan China melalui kepercayaan agama. Tokong-tokong telah dibina di Malaysia bagi menyembah dewa-dewa yang sama

seperti amalan asal mereka di China. Tokong-tokong ini juga menjadi institusi penting dalam menganjurkan perayaan-perayaan tradisional yang berkait rapat dengan perayaan di China (Shin & Maslan, 2022:14). Perayaan seperti Tian Gong, Chap Goh Mei, Qing Ming, Zhong Yuan, dan Zhong Qiu dirayakan mengikut tarikh dan tradisi yang sama seperti di China (Fee, 2004:176). Walaupun kepercayaan ini berasal dari China, kepercayaan orang Cina di Malaysia turut dipengaruhi oleh pengaruh persekitaran mereka di luar China (Azarudin bin Awang et al., 2021). Persatuan Cina juga memberikan pendidikan kepada ahli-ahlinya untuk mengekalkan identiti mereka. Bagi memastikan hubungan mereka terus terjalin dengan China, bahan pengajaran dan guru telah diimport ke Malaysia. Orang-orang Cina di Malaysia akan memberikan sumbangan derma bagi menubuhkan tadika, sekolah, dan universiti bagi memastikan pendidikan anak-anak mereka dapat diteruskan (Shin & Maslan, 2022:14-15).

Hubungan orang Cina di Malaysia dengan negara China turut digerakkan oleh golongan sarjana yang datang ke Malaysia. Golongan sarjana ini membantu menulis inskripsi di kuil dan persatuan. Terdapat juga orang tengah yang dipanggil *Shui Ke* yang membawa surat dan barangan dari China. Semua perkara ini memperkuat lagi identiti masyarakat Cina dan hubungan mereka dengan kampung halaman mereka di China. Selain itu, terdapat peranan yang dimainkan oleh akhbar seperti *Lat Pau* dalam sejarah – akhbar ini melaporkan kejadian dan berita-berita dari China (Fee, 2004:175).

Aspek agama dan kepercayaan turut menggerakkan hubungan antara orang Cina di Malaysia dengan China. Aspek ini dapat dilihat melalui peranan yang dimainkan oleh tokoh perniagaan Cina dan keluarga mereka. Tan Say Seang misalnya, merupakan isteri kepada ahli perniagaan yang kaya di Pulau Pinang iaitu Lim Leng Cheak. Apabila suaminya meninggal dunia, Tan Say Seang telah menjadi penganut agama Buddha yang kuat. Beliau telah mengunjungi tokong-tokong di China dan kemudian membina tokong-tokong di Pulau Pinang. Antara tokong yang dibangunkan oleh beliau ialah di Jalan Perak, Pulau Pinang dan Tokong Kek Lok Si di Ayer Itam, Pulau Pinang (An, 2003:41).

Hubungan antara pedagang Cina dengan China juga boleh ditelusuri dari kisah hidup Choong Cheng Kean yang merupakan ahli perniagaan yang berjaya di Kedah. Beliau meneruskan hubungannya dengan kampung halaman di China walaupun sudah berjaya di seberang laut. Choong Cheng Kean direkodkan pulang ke China sebanyak 4 kali sejak 1894. Kali terakhir lawatannya adalah pada 1915. Gambarnya juga masih terpelihara di rumah kampungnya di China. Di China beliau membina rumah dan tokong bagi puak Choong (An, 2003:44-47). Hal ini menunjukkan bahawa hubungan orang Cina seberang laut dengan negara China itu digerakkan oleh hubungan kekeluargaan dan asal usul keturunan. Dalam kes Choong Cheng Kean, ia berlaku sebelum kemerdekaan Tanah Melayu lagi.

Kesimpulan

Berdasarkan penelitian ini, dapat disimpulkan bahawa terdapat pelbagai aspek yang menggerakkan hubungan masyarakat Cina di Tanah Melayu dan kemudiannya Malaysia dengan negara China. Pada peringkat awal, terutamanya sejak awal kemasukan besar-besaran orang Cina ke Tanah Melayu pada 1850 hingga ke tahun 1940-an, selain aspek ekonomi, antara aspek yang menonjol adalah aspek ideologi dan politik. Ini dapat dilihat melalui peranan yang dimainkan oleh Koumintang dan PKM yang masing-masing dikawal oleh organisasi pusat mereka di China. Sementara itu, wujud juga elemen Kongsi Gelap Cina yang menjadi persatuan kegiatan aktiviti buruh Cina dan sangat berpengaruh di Tanah Melayu. Walaupun aspek ideologi politik itu menonjol, dalam tempoh ini juga wujud hubungan kekeluargaan, kesihatan, perniagaan, persatuan, keagamaan, dan institusi tokong antara masyarakat Cina di Tanah Melayu dengan negara China.

Tahun 1950-an hingga 1970-an memperlihatkan peranan yang dimainkan oleh tokoh-tokoh Cina tempatan dalam menggerakkan hubungan antara Tanah Melayu dan negara China. Peranan ini telah dimainkan oleh tokoh perniagaan dan politik seperti Lee Inn Tong, Gan Teck Yeow, Michael Chen Wing Sum, dan Ong Tek Kiat. Hubungan akrab mereka dengan China dalam hal ehwal perniagaan dan kebudayaan telah membantu Malaysia untuk mewujudkan hubungan diplomatik rasmi pada tahun 1974. Sejak itu, aspek ekonomi terutamanya perniagaan dan perdagangan terus menghubungkan masyarakat Cina di Malaysia dengan China. Selain itu, sehingga tahun 2000 aspek-aspek lain seperti

identiti kecinaan melalui pendidikan, bahasa, identiti, keluarga, dan asal usul keturunan terus menggerakkan hubungan antara masyarakat Cina di Malaysia dengan negara China.

Rujukan

- A journey to find roots*. (2023, Mac 15). Retrieved from Universiti Tsinghua:
<https://www.youtube.com/watch?v=aB42-cGY2OI>
- Abdul Muqit, M., Awang Pawi, A. A., & Yaakub, M. T. (2024). Keterancaman Melayu: Analisis konsep dan faktor pendorong. *Jurnal Melayu Sedunia*, 7(1), 182–198.
- Halimi, A. J. (2021). Perkapalan dan perdagangan di Melaka pada zaman Kesultanan. Dalam Azmi Arifin, Abdul Rahman Haji Ismail, & Abu Talib Ahmad (Eds.), *Kesultanan Melayu Melaka: Warisan, tradisi dan persejarahan* (pp. 177–200). Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Cheong, Y. K. (2013). *Gerakan pendidikan Cina di Malaysia: Satu kajian tentang perjuangan Dong Jiao Zong (1970–2002)*. Strategic Information and Research Development Centre.
- An, W. X. (2003). *Chinese business in the making of a Malay state, 1882–1941: Kedah and Penang*. Routledge Curzon.
- Azarudin, A., Wan Ahmad, W. H. S., & Ramly, A. F. (2021). Peranan Kuala Terengganu sebagai pusat kegiatan agama komuniti Cina. *Journal of Islamic Social Sciences and Humanities*, 24(1), 137–154.
- Ba, A. D. (2003). China and ASEAN: Renavigating relations for a 21st-century Asia. *Asian Survey*, 43(4), 622–647.
- Baviera, A. S. (1999). *The political economy of China's relations with Southeast Asia* (Discussion Paper No. 99-17). Philippine APEC Study Center Network.
- Carr, E. (1964). *What is history*. Penguin Books.
- CO 537/4862. (1949). *Eastern. Secret societies. Records of the British Colonial Office*. The National Archives. (Diakses 25 Disember 2024)
- Fee, L. Y. (2004). Kedinamikan kecinaan dan identiti orang Cina di Malaysia. *Sari*, 22, 167–181.
- Fee, L. Y. (2009). Kajian tentang identiti orang Cina di Malaysia dari segi epistemologi: Ulasan. *Sari: Jurnal Alam dan Tamadun Melayu*, 27(1), 167–183.
- Foreign Broadcast Information Service, United States. (1974). *Daily report: Asia & Pacific* (Issues 98–111).
- Wang, G. (1991). *China and the Chinese overseas*. Times Academic Press.
- Saat, H. I. (2009). Sejarah panjang hubungan Malaysia–China. *Seminar 35 Tahun Hubungan Diplomatik Malaysia dengan China*.
- Hing, L. K. (2005). Writing Malaysia's contemporary history. Dalam W. Gungwu (Ed.), *Nation-building: Five Southeast Asian histories*. Institute of Southeast Asian Studies.
- Lee, H. G. (2000). Ethnic relations in Peninsular Malaysia: The cultural and economic dimensions. *Social and Cultural Issues*, 1(1), 1–48.
- Lee, Y. F. (2011). Identiti harian dalam subjektiviti Cina Malaysia. *Jurnal Terjemahan Alam dan Tamadun Melayu*, 2(2), 68–87.
- Musa, M. (2016). Malayan women during the Japanese occupation. *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*, 89(2), 101–124.
- Nordin, M. K. (2020). Pengajian Melayu dan masa depan: Keperluan membangun naratif baru. *Jurnal Melayu Sedunia*, 3(1), 1–20.
- Mohammad Zaki, A., & Mohd Azizuddin, M. S. (2017). China's assertive posture in reinforcing its territorial and sovereignty claims in the South China Sea: An insight into Malaysia's stance. *Japanese Journal of Political Science*, 18(1), 67–105.
- Lim Pui Huen, P. (1995). Memoirs of war in Malaya. Dalam P. H. Kratoska (Ed.), *Malaya and Singapore during the Japanese occupation* (pp. 121–147). Journal of Southeast Asian Studies Special Publication Series No. 3.
- Ramli, D., & Wan Hassan, W. S. (2005). "Teori Ancaman China" dan hubungan ekonomi Malaysia–China. *Journal of International Studies*, 77–80.

- Saw, S.-H., Sheng, L., & Chin, K. W. (2005). An overview of ASEAN–China relations. Dalam S.-H. Saw, L. Sheng, & K. W. Chin (Eds.), *ASEAN–China relations: Realities and prospects* (pp. 1–18). ISEAS Publishing.
- Skinner, G. W. (1959). Overseas Chinese in Southeast Asia. *The Annals of the American Academy of Political and Social Science*, 321(1), 136–147.
- Abdullah, S. (2013). Effect of Malay–China trade relations during the Malacca Sultanate on the emergence of Chinese Peranakan community. *World Journal of Islamic History and Civilization*, 3(4), 143–149.
- Suryadinata, L. (2004). *Chinese and nation-building in Southeast Asia*. Marshall Cavendish Academic.
- Tan, C. S. (2024). Tinjauan faktor politik luaran dalam sejarah normalisasi hubungan Malaysia–China, 1970–1974. Dalam Goh Sang Seong, Ku Boon Dar, & Fu Congcong (Eds.), *Sejarah dan sosiopolitik Malaysia–China* (pp. 55–73). Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Teioh, H. S., & Aiza, M. (2022). Persatuan dan fungsi sosial dalam masyarakat China di Pulau Pinang pada abad ke-18 sehingga awal abad ke-20. *Jurnal Perspektif*, 14(1), 1–17.
- Wan Ali, W. Z. K., & Ismail, A. Z. (2018). Masyarakat Muslim Melayu di Singapura: Kajian terhadap isu dan cabaran dalam pemikiran Islam era globalisasi. *Jurnal Melayu Sedunia*, 1(1), 27–53.